

RPTM 2026-2035 SEBAGAI *GAME CHANGER* DALAM MELONJAKKAN SISTEM PENDIDIKAN POLITEKNIK DAN KOLEJ KOMUNITI

Dunia pada hari ini sedang bergerak pantas dalam era yang disifatkan sebagai zaman pascanormal iaitu sebuah era yang dicirikan oleh kerencaman, kekacauan dan percanggahan yang menuntut ketangkasan luar biasa untuk terus relevan. Dalam mendepani gelombang perubahan ini, pendidikan tidak lagi boleh bergerak secara konvensional atau 'linear'. Sebagai sebuah negara yang sedang memacu pertumbuhan ekonomi berteraskan inovasi dan teknologi, Malaysia meletakkan harapan yang menggunung kepada sektor Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET). Justeru, peluncuran **Rancangan Pendidikan Tinggi Malaysia (RPTM) 2026-2035** bukan sekadar satu dokumen perancangan, sebaliknya ia adalah manifestasi tekad negara dan satu *game changer* yang bakal mengubah landskap Politeknik dan Kolej Komuniti (POLYCC) secara radikal demi masa depan negara.

Kepentingan TVET dalam Pembangunan Negara

TVET bukan lagi sekadar pelengkap kepada sistem pendidikan negara, ia adalah enjin utama yang memacu perubahan struktur ekonomi dan mobiliti sosial rakyat. Dalam kerangka **Ekonomi MADANI**, kerajaan telah menetapkan matlamat jelas untuk "Menaikkan Siling" melalui pertumbuhan ekonomi dan "Menaikkan Lantai" melalui peningkatan darjat hidup rakyat. Aspirasi ini hanya boleh dicapai sekiranya negara memiliki modal insan yang berkemahiran tinggi, produktif dan mampu mengadaptasi teknologi termaju.

Melalui **Rancangan Malaysia Ketiga Belas (RMK13)**, agenda negara tertumpu kepada peralihan struktur ekonomi ke arah aktiviti bernilai tinggi seperti yang digariskan dalam *Pelan Induk Perindustrian Baharu 2030* (NIMP 2030) dan *Pelan Hala Tuju Peralihan Tenaga Negara* (NETR). Industri pertumbuhan tinggi dan bernilai tinggi (HGHV) seperti semikonduktor, kecerdasan buatan (AI), tenaga boleh baharu, dan kenderaan elektrik (EV) memerlukan tenaga kerja yang bukan sahaja mahir 'hands-on', tetapi juga mempunyai keupayaan kognitif yang tinggi untuk menyelesaikan masalah kompleks. Di sinilah TVET memainkan peranan kritikal sebagai penyedia bakat utama untuk mengurangkan kebergantungan negara kepada buruh asing berkemahiran rendah dan memacu produktiviti negara ke tahap negara maju.

Cabaran yang Dihadapi TVET di Malaysia

Walaupun kepentingannya tidak dapat disangkal, ekosistem TVET di Malaysia masih berhadapan dengan cabaran struktural dan persepsi yang perlu ditangani secara tuntas. Isu legasi seperti fragmentasi tadbir urus yang melibatkan pelbagai kementerian sering mengakibatkan pertindihan fungsi dan ketidakselarasan 'standard' yang sedikit sebanyak merencatkan kecekapan penyampaian. Selain itu, stigma masyarakat yang memandang TVET sebagai "pilihan kedua" berbanding laluan akademik masih wujud, walaupun data menunjukkan kebolehpasaran graduan TVET adalah amat tinggi.

Lebih kritikal lagi adalah cabaran untuk memastikan kurikulum latihan kekal relevan dengan kepantasan perubahan teknologi industri. Laporan *Khazanah Research Institute* (KRI) dan dapatan libat urus RPTM menunjukkan wujudnya jurang kemahiran (*skills mismatch*) di mana graduan kadangkala tidak dilengkapi dengan kompetensi terkini yang diperlukan oleh industri HGV. Isu gaji permulaan yang rendah bagi graduan TVET juga menjadi penghalang utama dalam menarik minat bakat terbaik untuk menceburi bidang ini, satu isu yang kini sedang ditangani serius melalui Dasar Gaji Progresif.

Politeknik dan Kolej Komuniti (POLYCC) dalam Ekosistem TVET Negara

Sebagai penyedia TVET terbesar di Malaysia, Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti (JPPKK), Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) memikul amanah berat dalam menerajui agenda ini. Dengan kekuatan **36 Politeknik dan 106 Kolej Komuniti** di seluruh negara, POLYCC kini menaungi lebih **100,000 pelajar sepenuh masa** dan disokong oleh lebih **14,000 warga kerja** yang berdedikasi.

POLYCC berfungsi sebagai tunjang kepada dua misi nasional. Pertama, politeknik berperanan sebagai institusi yang melahirkan tenaga kerja separa profesional dan teknokrat bagi menyokong keperluan industri. Kedua, kolej komuniti bertindak sebagai hab Pembelajaran Sepanjang Hayat (PSH) yang memperkasa komuniti setempat melalui latihan kemahiran pendek dan *reskilling/upskilling*, memastikan tiada golongan yang tertinggal dalam arus pembangunan. Kewujudan POLYCC di setiap pelusuk negeri memastikan akses pendidikan yang demokratik dan

inklusif kepada semua lapisan masyarakat, selaras dengan aspirasi "Menaikkan Lantai" dalam Ekonomi MADANI.

Cabaran dan Kejayaan POLYCC: Satu Refleksi

Dalam menelusuri dekad yang lalu, POLYCC telah membuktikan keupayaannya untuk kekal relevan dan berdaya saing. Pencapaian paling membanggakan adalah kadar kebolehpasaran graduan (GE) yang konsisten tinggi. Pada tahun 2024, POLYCC mencatatkan **Kadar Graduan Bekerja 98.8%**, satu angka yang melepasi sasaran nasional dan membuktikan bahawa graduan kita menjadi rebutan industri. Kejayaan ini didorong oleh kolaborasi strategik dengan lebih **20,000 rakan industri**, yang membolehkan pelaksanaan program *Work-Based Learning* (WBL) dan *Industry on Campus* (IOC) berjalan dengan jayanya.

Pengiktirafan antarabangsa turut diraih apabila tiga politeknik iaitu Politeknik Ungku Omar (PUO), Politeknik Port Dickson (PPD) dan Politeknik Ibrahim Sultan (PIS) memperoleh anugerah Platinum daripada *Asia Pacific Accreditation and Certification Commission* (APACC) menjadikan mereka di antara politeknik terbaik di Asia Pasifik. Malah, pelajar kita terus mengharumkan nama negara di pentas dunia, seperti kejayaan meraih pingat emas dalam pertandingan kulinari di Thailand dan anugerah kecemerlangan di WorldSkills ASEAN.

Namun, kita tidak boleh selesa. Kita masih berdepan dengan cabaran infrastruktur yang menua, keperluan mendesak untuk menaik taraf peralatan selaras dengan teknologi industri terkini, dan kekangan autonomi yang membataskan ketangkasan institusi dalam membuat keputusan pantas. Justeru, satu lonjakan baharu diperlukan.

Peluncuran dan Intipati Rancangan Pendidikan Tinggi Malaysia (RPTM) 2026-2035

Perdana Menteri, Dato' Seri Anwar Ibrahim pada 20 Januari 2026, telah melancarkan **RPTM 2026-2035**, sebuah dokumen strategik yang memeta hala tuju pendidikan tinggi negara untuk dekad mendatang. RPTM ini digubal dengan mengambil kira aspirasi untuk melahirkan "Pembina Negara" yang berpaksikan kemanusiaan dan dipacu matlamat (purpose-driven). Ia menggariskan **10 Lonjakan**

Strategik yang bersifat transformatif, merangkumi aspek pembangunan bakat, penyelidikan, tadbir urus, dan kelestarian.

RPTM 2026-2035 memperkenalkan anjakan paradigma daripada pendidikan berstruktur yang kaku kepada "perungkaian pendidikan" (*unbundling*), membolehkan pembelajaran yang lebih fleksibel dan sepanjang hayat. Ia juga menekankan peralihan daripada sekadar melahirkan pencari kerja kepada pencipta kerja yang berciri keusahawanan. Paling utama, RPTM 2026-2035 meletakkan **Kompetensi TVET Termaju** sebagai Lonjakan ke-3, satu pengiktirafan jelas terhadap peranan sentral TVET dalam ekosistem pendidikan tinggi negara.

POLYCC dalam Konteks RPTM 2026-2035

Bagi POLYCC, RPTM 2026-2035 adalah satu mandat pembaharuan. Lonjakan 3 RPTM secara khusus menuntut pemerkasaan TVET melalui penyelarasan tadbir urus, pengukuhan kerjasama industri dan penawaran program yang fleksibel serta relevan dengan teknologi memuncul (*emerging technologies*). Ini bermakna, POLYCC tidak lagi boleh beroperasi secara *business as usual*.

Di bawah RPTM 2026-2035 juga, POLYCC akan mentransformasikan dirinya daripada penyedia latihan konvensional kepada institusi TVET termaju yang memacu inovasi. Fokus kita akan beralih kepada penyediaan bakat untuk sektor HGHV. Kita akan memperluaskan program berasaskan kompetensi yang diiktiraf industri, memperhebat penggunaan teknologi digital dalam pengajaran, dan memastikan setiap kurikulum yang ditawarkan adalah "siap siaga masa hadapan" (*future-ready*). RPTM 2026-2035 juga memberi penekanan kepada **Tadbir Urus Tangkas** (Lonjakan 5), yang membuka jalan kepada penyusunan semula struktur POLYCC agar lebih autonomi dan responsif.

Aspirasi dan Sokongan Kepimpinan Negara kepada POLYCC

Transformasi ini mendapat sokongan padu daripada pucuk pimpinan negara. Dalam amanat peluncuran RPTM 2026-2035, YAB Perdana Menteri telah mengumumkan reformasi besar untuk POLYCC, termasuk **penggubalan Akta Politeknik dan Kolej Komuniti** yang bakal memberikan institusi kita kedudukan yang setaraf dengan universiti awam lain dari segi tata kelola. Ini adalah satu langkah

bersejarah yang akan membebaskan POLYCC daripada kekangan birokrasi dan membolehkan kita bergerak lebih fleksibel dan tangkas dengan punca kuasa perundangan yang jelas. **10 Politeknik juga akan dinaik taraf sebagai Politeknik Premier** dalam tempoh 10 tahun RPTM 2026-2035 ini dilaksanakan.

Menteri Pendidikan Tinggi, Dato' Seri Diraja Dr. Zambry Abd Kadir turut mengumumkan inisiatif strategik yang signifikan, iaitu peluasan status **Politeknik Premier** kepada lima politeknik terpilih dalam fasa 1, manakala selebihnya akan dibuat secara berperingkat dalam tempoh RPTM 2026-2035 termasuk beberapa buah politeknik di Sabah dan Sarawak. Lebih membanggakan, Politeknik Premier ini diberi mandat untuk menawarkan program peringkat **Ijazah Sarjana Muda** berasaskan *Work-Based Learning* (WBL), khususnya untuk menyokong sektor Elektrikal dan Elektronik (E&E) di Wilayah Utara serta sektor-sektor strategik negara yang lain di seluruh Malaysia. Ini membuktikan keyakinan kerajaan terhadap kualiti akademik POLYCC dalam melahirkan bakat berkelas dunia.

Azam POLYCC: Lima Aspirasi Transformasi

Menyambut aspirasi RPTM 2026-2035 dan mandat kepimpinan negara, saya sebagai Ketua Pengarah di JPPKK, bersama seluruh warga POLYCC, berazam untuk melaksanakan transformasi menyeluruh melalui lima aspirasi utama:

1. Meningkatkan Kecekapan Penyampaian dan Tadbir Urus

Asas kepada kecemerlangan adalah tadbir urus yang cekap. Kita akan menyokong sepenuhnya penubuhan **Suruhanjaya TVET** dan penggubalan Akta Politeknik dan Kolej Komuniti sebagai langkah untuk mengharmonikan ekosistem TVET negara. Melalui reformasi ini, POLYCC akan memiliki autonomi yang lebih besar dalam pengurusan kewangan, sumber manusia, dan penentuan kurikulum. Ini akan membolehkan kita bertindak balas dengan pantas terhadap perubahan pasaran tanpa terikat dengan rantai birokrasi yang panjang. Kecekapan penyampaian juga bermaksud pendigitalan sepenuhnya operasi kita, memanfaatkan data raya untuk membuat keputusan yang tepat dan strategik.

2. Meningkatkan Penawaran Program TVET Bernilai Tinggi

Kita akan menjajarkan semula penawaran program kita dengan keperluan *New Industrial Master Plan 2030* (NIMP 2030). Tumpuan akan diberikan kepada sektor HGHV seperti **reka bentuk litar bersepadu (IC design), kecerdasan buatan (AI), robotik, dan tenaga boleh baharu**. Politeknik akan menjadi peneraju dalam melahirkan bakat untuk hab semikonduktor negara, manakala Kolej Komuniti akan diperkasa sebagai pusat latihan kemahiran khusus untuk ekonomi gig dan keusahawanan digital. Program ijazah sarjana muda TVET akan diperluas untuk memberi laluan kerjaya yang lebih tinggi kepada graduan kita, memastikan mereka mampu meraih gaji premium selaras dengan Dasar Gaji Progresif.

3. Memperkukuh Kolaborasi Pintar

Era bekerja secara *silo* telah berakhir. Kita akan memperhebat pendekatan "**Industry on Campus**" di mana syarikat multinasional dan industri tempatan bukan sekadar menjadi penasihat, tetapi rakan kongsi aktif yang beroperasi di dalam kampus kita. Ini membolehkan pemindahan teknologi terkini secara langsung kepada pelajar dan pensyarah. Kita juga akan mengamalkan model *Quintuple Helix*, menggabungkan kekuatan akademik, industri, kerajaan, komuniti, dan alam sekitar untuk mencipta ekosistem inovasi yang mampan. Kerjasama antarabangsa akan dipergiat untuk menanda aras kualiti kita dengan standard global, memastikan graduan POLYCC laku di pasaran dunia.

4. Memantapkan Bakat Tenaga Pengajar Berprestasi Tinggi

Kualiti graduan bermula dengan kualiti tenaga pengajar. Selaras dengan Lonjakan 2 RPTM, kita akan memastikan pensyarah POLYCC bukan sahaja cemerlang akademik, tetapi memiliki kepakaran industri yang terkini. Program sangkutan industri (*industrial attachment*) untuk pensyarah akan diwajibkan secara berkala. Kita mahu melahirkan tenaga pengajar yang "dipacu matlamat" (*purpose-driven*), yang melihat tugas mereka bukan sekadar mengajar, tetapi sebagai pembina negara. Laluan kerjaya pensyarah akan dipelbagaikan (*differentiated career pathways*) untuk mengiktiraf kepakaran teknikal dan pengalaman industri mereka.

5. Membangunkan Pembelajaran Holistik

Akhir sekali, kita tidak mahu melahirkan "robot" yang hanya pandai menekan butang. Kita mahu melahirkan **Insan MADANI** yang seimbang. Kurikulum kita akan mengintegrasikan kemahiran teknikal (*sharp skills*) dengan kemahiran insaniah (*smart skills*) seperti pemikiran kritis, komunikasi, dan etika. Penekanan akan diberikan kepada nilai kemanusiaan, integriti, dan kesedaran sivik. Kita mahu graduan POLYCC menjadi individu yang bukan sahaja kompeten di tempat kerja, tetapi juga warga negara yang bertanggungjawab dan menyumbang kepada kesejahteraan masyarakat. Konsep pembelajaran sepanjang hayat akan diperkasa melalui penawaran *micro-credential* yang fleksibel, membolehkan rakyat Malaysia dari pelbagai peringkat umur terus meningkatkan ilmu mereka di POLYCC.

Kesimpulan dan Penutup

Rancangan Pendidikan Tinggi Malaysia (RPTM) 2026-2035 hadir tepat pada masanya sebagai pemangkin yang diperlukan untuk melonjakkan POLYCC ke persada yang lebih tinggi. Ia adalah satu *game changer* yang memberikan kita mandat, struktur, dan hala tuju yang jelas untuk melakukan reformasi.

Tanggungjawab ini bukan mudah, namun dengan sokongan padu kerajaan, komitmen warga kerja POLYCC, dan sinergi erat dengan industri, saya yakin kita mampu merealisasikannya. POLYCC bertekad untuk menjadi institusi TVET unggul yang menjadi pilihan utama rakyat Malaysia, sebuah institusi yang bukan sahaja melahirkan tenaga kerja mahir, tetapi melahirkan "Pembina Negara" yang akan mencorakkan masa depan Malaysia yang maju, makmur, dan mampan.

Marilah kita bersama-sama menggembeleng tenaga, menyahut cabaran RPTM ini, dan membuktikan bahawa Politeknik dan Kolej Komuniti adalah nadi sebenar kemajuan negara.

POLYCC: Peneraju TVET Negara.

Dr. Shamsuri bin Abdullah
Ketua Pengarah Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti
Kementerian Pendidikan Tinggi

LAMPIRAN BERGAMBAR :



Dr. Shamsuri bin Abdullah
Ketua Pengarah Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti
Kementerian Pendidikan Tinggi